

PERLEMBAGAAN DAN UNDANG UNDANG KECIL KHAIRAT KEMATIAN MASJID BANDAR TEKNOLOGI KAJANG

MULA DIKUATKUASAKAN PADA 01.03.2024

1.0 PENDAHULUAN

Tabung Khairat Kematian Masjid Bandar Teknologi Kajang (MBTK), adalah satu tabung kebajikan yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Masjid Bandar Teknologi Kajang .

2.0 OBJEKTIF

Tabung khairat kematian Masjid Bandar Teknologi Kajang ditubuhkan untuk memenuhi objektif berikut:

- a) Menyediakan kos perbelanjaan pengurusan jenazah bila berlaku kematian keatas ahli atau tanggungan ahli dengan kadar yang segera.
- b) Menyediakan peluang kepada ahli kariah untuk sama-sama menyumbang sebagai amalan kebajikan dengan cara membantu saudara seagama yang memerlukan bantuan bila ditimpa musibah kematian.
- c) Mengurus dan mengumpul wang Tabung Khariat Kematian dengan berkesan dan mengeluarkan wang Tabung Khariat Kematian kepada pihak yang di timpa musibah dengan kadar segera.

3.0 UNDANG-UNDANG KECIL TABUNG KHAIRAT

3.1 Kelayakan Menjadi Ahli Tabung Khairat Kematian MBTK

Dibuka kepada semua penduduk Islam di dalam kariah MBTK dan Ibadat ahli diluar kariah MBTK

Ahli Khairat atau Peserta merujuk kepada seorang ketua keluarga yang mewakili seluruh ahli keluarga di bawah tanggungannya .

Waris yang ditinggalkan setelah kematian ahli khairat @ peserta khairat masih boleh meneruskan menjadi ahli khairat sehingga hujung penggal dan pada tahun yang baru waris perlu daftar sebagai Ahli khairat .

Peserta di kehendaki membayar yuran tahunan khairat sebanyak RM 50 setiap tahun. Yuran pendaftaran RM10.00. Ini adalah untuk bayaran satu keluarga yang layak mendapat perlindungan khairat kematian MBTK.

Dokumen Pendaftaran Khairat Kematian :

1. Kad pengenalan peserta
2. Kad pengenalan pasangan peserta
3. Kad pengenalan anak-anak peserta / Surat Beranak
4. Bil Utiliti
5. Kad pengenalan / surat beranak anak angkat (Berdaftar)
6. Surat Nikah (Pasangan Bukan Warganegara)



3.2 TANGGUNGAN AHLI KHAIRAT

Ahli Khairat yang aktif akan memberi manfaat kepada ahli ahli keluarganya dibawah tanggungannya dan beliau boleh membuat tuntutan kepada Tabung Khairat jika berlaku sebarang kematian.

Ahli² keluarga di bawah tanggungan peserta @ ahli khairat yang aktif ialah seperti berikut :

- 1) Suami
- 2) Isteri
- 3) Anak-anak yang masih belajar / masih belum bekerja / belum berkahwin sehingga umur 22 tahun 11 bulan 29 hari
- 4) Orang Kelainan Upaya (OKU)

Di luar tanggungan peserta adalah :

- 1) Ibu bapa kepada peserta perlu mendaftar sendiri sebagai peserta.
- 2) Anak anak yang berusia lebih 23 tahun perlu mendaftar menjadi peserta sendiri.
- 3) Anak anak yang sudah berumahtangga walaupun berusia kurang 23 tahun dan tinggal serumah dgn peserta perlu mendaftar sendiri menjadi peserta .

3.3 KELUCUTAN KEAHLIAN

Ahli khairat @ peserta yang tidak aktif dan TIDAK menyumbang kepada tabung khairat lebih dari dua belas (12) bulan dari tarikh pembayaran terakhir dikira terlucut dari menjadi ahli khairat secara automatik dan apa-apa bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

Ahli aktif @ peserta aktif adalah ahli khairat yang membayar yuran khairat dan memperbaharui keahlian khairat setiap tahun.

Keahlian khairat hendaklah di perbaharui setiap tahun. Sebagai contoh : Bagi ahli aktif yang membayar yuran khairat kematian sebelum atau pada 01.03.2025 akan tamat tempoh keahliannya pada 01.03.2026. SEBELUM atau SELEPAS 01.03.2026 ahli khairat boleh memperbaharui keahlian.

3.4 TEMPOH MATANG

3.4.1 DAFTAR ONLINE

Tempoh matang Ahli khairat @ peserta baru bermula setelah disahkan permohonan oleh admin khairat sehingga hari ke 30(sebulan) melalui whatsapp 3-5 hari bekerja.

3.4.2 DAFTAR BORANG FIZIKAL

Tempoh matang Ahli khairat @ peserta baru bermula apabila borang fizikal beserta RM60 diserahkan kepada pihak pengurusan masjid sehingga hari ke 30(sebulan)

3.5 KEMUSYKILAN

Jika terdapat sebarang kemusykilan dari segi tuntutan dan sebagainya , perlu dikemukakan kepada Pengurusan Masjid Bandar Teknologi Kajang (MBTK) secara bertulis. Keputusan pengurusan MBTK adalah muktamad.

4.0 MANFAAT KEPADA AHLI KHAIRAT / WARIS JIKA BERLAKU KEMATIAN

Manfaat yang di perolehi oleh Ahli Khairat @ peserta :

- RM1500 - kematian peserta atau pasangan
- RM 700 - kematian anak anak/ OKU

Manfaat Khairat Kematian diatas hanya khusus kepada ahli-ahli khairat dan ahli-ahli keluarga / waris ahli khairat yang aktif yang namanya telah di daftarkan didalam sistem E-Khairat atau borang pendaftaran fizikal. Manfaat ini diperolehi hanya semasa berlaku kematian sahaja.

5.0 PENGURUSAN KEWANGAN TABUNG KHAIRAT

Sekiranya berlaku kematian ke atas ahli khairat , waris kepada si mati dikehendaki memaklumkan kepada Jawatankuasa Masjid Bandar Teknologi Kajang (MBTK) berkaitan dengan kematian tersebut dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang telah disahkan untuk diproses oleh JK MBTK . Dokumen dokumen berikut adalah :

1. Mengisi borang tuntutan yang disediakan
2. Salinan kad pengenalan ahli / waris yang membuat tuntutan
3. Salinan sijil perakuan kematian
4. Salinan permit menguburkan

Jika berlaku kematian ahli atau waris sila hubungi :

- Hj Hairi Bin Md Monel (Ketua Biro BKKMBTK) : 019-3604028
- Bilal Arif Halim (Admin MBTK) : 011-11557276
- Ahmad Naufal (Bilal MBTK) : 017-2971935
- Ustaz Naqiudeen (Pembantu Pengurus) : 017-6504216

NOTA:

- Sekiranya berlaku kesukaran pada hari kematian : Laporan kematian perlu diserahkan dahulu semasa tuntutan dibuat. Manakala Dokumen yang lain boleh diserahkan dalam masa seminggu selepas kematian.
- Semua urusan kewangan tabung khairat kematian adalah dibawah kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Masjid Bandar Teknologi sepertimana mengikut peruntukkan peraturan kewangan masjid (MBTK).
- Sekiranya tidak berlaku sebarang kematian kepada peserta atau tanggungannya dalam tempoh setahun, duit yuran tahunan RM50 TIDAK akan dipulangkan semula kepada peserta . Duit tersebut akan menjadi hakmilik tabung khairat kematian MBTK dan boleh di gunakan untuk tujuan wakaf yang lain.
- Jika berlaku sebarang kematian yang diluar jangka melebihi daripada kemampuan simpanan dana tabung khairat maka tanggungjawab ahli untuk mengumpul dana khas tambahan untuk menampung kekurangan tersebut sehingga penggal baru dimulakan semula.